



Rujukan Kami : UMP/06.01/13.16/1 ()
Tarikh : 29 Jun 2022

WARGA UMP

YH. Dato'/ Datin / Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan/ Mahasiswa/i,

EDARAN PERMAKLUMAN MENGENAI ARAHAN PEMANTAUAN KENDIRI GEJALA DAN TANDA JANGKITAN *MONKEYPOX* KEPADA PELAJAR DARI NEGARA BERISIKO

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan surat edaran untuk makluman YH. Dato'/ Datin / Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan/Mahasiswa/i
3. Maklumat lanjut berkaitan monkeypox boleh diperolehi dari laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila hubungi Dr.Rohani Jahis di talian 03-8883 4417 atau Dr Norita Shamsudin di talian 03-8883 4510 dan boleh emailkan kepada zoonosis@moh.gov.my
4. Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin / Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan/ Mahasiswa/i di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah

b/p 

(NABILAH BINTI ZAMIMI)

Eksekutif

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang





KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | **JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI**

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT(BEM)1000/016/046 Jld. 29 (28)
Tarikh : 22 Jun 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN MENGENAI ARAHAN PEMANTAUAN KENDIRI GEJALA DAN TANDA JANGKITAN *MONKEYPOX* KEPADA PELAJAR DARI NEGARA BERISIKO

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melaporkan sekurang-kurangnya 11 buah negara di tiga (3) benua telah melaporkan kes *monkeypox* atau cacar monyet dengan jumlah kes yang dilaporkan melebihi 100 kes disyaki dan disahkan. Kebanyakan kes yang dijangkiti ini tidak melaporkan sejarah perjalanan ke negara yang diketahui mempunyai jangkitan endemik penyakit ini.

3. Sebagaimana pemakluman yang dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), *monkeypox* merupakan sejenis penyakit zoonotik di mana virus *monkeypox* boleh ditularkan kepada manusia melalui gigitan atau sentuhan langsung dengan darah binatang atau cecair badan dan luka haiwan yang dijangkiti. Virus ini juga boleh disebarkan melalui titisan pernafasan. Manusia juga boleh dijangkiti melalui kontak langsung dengan cecair badan orang yang dijangkiti atau dengan objek yang tercemar oleh virus, seperti cadar atau pakaian. Walau bagaimanapun, penularan dalam kalangan manusia adalah terhad.

4. Bagi mencegah jangkitan *monkeypox* daripada berlaku di Malaysia, dipohon kerjasama dan jasa baik YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan untuk:

- i) Mengarahkan pelajar dari negara endemik *monkeypox* atau dari negara yang melaporkan kes *monkeypox* yang akan memasuki Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di negara ini untuk membuat pemantauan sendiri gejala dan tanda jangkitan *monkeypox* agar segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran; dan
- ii) Meningkatkan surveilan *monkeypox* pelajar luar negara yang berasal dari negara endemik *monkeypox* atau dari negara yang melaporkan kes *monkeypox* sekurang-kurangnya 21 hari dari tarikh ketibaan di Malaysia. Pelajar boleh hadir ke kelas selagi dia dalam keadaan sihat dan tiada sebarang gejala termasuk demam.

5. Maklumat lanjut berkaitan *monkeypox* boleh diperolehi dari laman sesawang KKM dan sebarang pertanyaan lanjut bolehlah berhubung dengan pegawai di KKM iaitu Dr. Rohani Jahis di talian 03-8883 4412 atau Dr. Norita Shamsudin di talian 03-8883 4510 atau emel kepada zoonosis@moh.gov.my.

6. Semoga usaha bersama daripada pihak IPT mampu mencegah kemasukan jangkitan *monkeypox* di Malaysia, seterusnya mencegah penularannya dalam negara.

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' PROF. DR. HUSAINI B. OMAR)

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Pengajian Tinggi

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Dan Pembangunan)
Kementerian Pengajian Tinggi

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
(Penyelidikan Dan Antarabangsa)
Jabatan Pendidikan Tinggi

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Dasar (BPPD)
Kementerian Pengajian Tinggi

Setiausaha Bahagian
Bahagian Hubungan Antarabangsa (BHA)
Kementerian Pengajian Tinggi

Pengarah
Bahagian Standard Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Governan IPTS
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Governan IPTA
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Education Malaysia
Jabatan Pendidikan Tinggi

**Setiausaha Bahagian
Bahagian Hal Ehwal Imigresen
Kementerian Dalam Negeri**

**Pengarah
Bahagian Visa, Pas dan Permit
Jabatan Imigresen Malaysia**

**Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Service**